

# Dua Adun terus membisu

BH 23 DEC 2002

KUALA LUMPUR, Ahad - Dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA yang digantung keahlian tanpa suatu tempoh pasti, masing-masing terus bersikap membisu terhadap keputusan untuk membawa kes mereka ke mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bulan depan.

Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (BN-Jawi) yang dihubungi, juga tidak mahu mengulas arahan supaya mereka mengelakkan pergerakan bagi mengelak kekeliruan rakyat, berikutan status mereka kini sebagai Adun bebas.

Kedua-dua mereka yang dihubungi hari ini cuma berkata: "Kami tak nak komen apa-apa. Itu saja".

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno kelmarin memutuskan akan merujuk isu dua Adun itu ke mesyuarat Dewan Tertinggi BN bulan depan.

Sebelum itu, Gerakan mengeluarkan kenyataan mahu membawa isu itu ke mesyuarat Dewan Tertinggi BN, kerana tidak berpuas hati keputusan Majlis Presiden MCA yang menggantung keahlian dua Adun terbabit dan tidak memecat, seperti diminta beberapa parti komponen BN.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Komponen BN yang diwujudkan bagi kawasan DUN Jawi, Datuk Abdul Rashid Abdullah, meminta Tan mengehadkan pergerakan bagi mengelak kekeliruan di rakyat, berikutan statusnya kini sebagai Adun bebas.

Penduduk di kawasan itu diminta tidak bimbang kerana BN akan mengambil alih tugas melaksanakan tanggungjawab seperti diarahkan Pengerusi BN negeri yang juga Ketua Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon.

Mesyuarat MT Umno kelmarin yang dipengerusikan Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membincangkan secara mendalam isu dua Adun MCA itu dan memutuskan akan membawanya ke mesyuarat Dewan Tertinggi BN bulan depan.

Kes dua Adun itu mencetuskan kontroversi kerana enggan mengundi menolak usul pembangkang supaya ditangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion. Mereka mengambil pendirian berkecuali ketika undian usul pada hari terakhir Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 21 November lalu.